



## NOTIS PEMAKLUMAN

Tarikh: 24 Disember 2020

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN,

### PEMAKLUMAN PENGGUNAAN SYARAT PERLABELAN PADA PEMBUNGKUSAN DALAM DAN LUAR BAGI PENGIMPORAN DAGING RUMINAN KE MALAYSIA.

Adalah dimaklumkan, bagi permohonan import permit yang dipohon melalui sistem e-permit Dagangnet bermula 1 Januari akan diwajibkan syarat pelabelan pada pembungkusan bahagian dalaman dan luar bagi setiap produk daging ruminan yang di import masuk ke Malaysia.

Syarat pelabelan dinyatakan pada import permit MAQIS adalah seperti berikut:

*“The inner and outer packaging of the product must be labelled with logo of registered Islamic Organisation in .....(exporting country)..... that has been approved by Malaysian Authority. The name, address, establishment number of the abattoir, batch number and date of slaughter must also be labelled in the packaging.” (Import Requirements for Importation of Meat Products Into Malaysia, Department of Veterinary Services, Malaysia, 2020)*

Negera yang terlibat dalam pemakaian syarat pelabelan ini adalah negara **Australia, Argentina, Brazil, India, Jepun, New Zealand, Pakistan, South Africa** dan **Amerika Syarikat**. Produk yang terlibat adalah **daging ruminan** iaitu **daging kerbau, lembu, kambing** dan **bebiri** dari semua *abattoir* yang diluluskan oleh pihak DVS.

Oleh yang demikian, adalah dinasihatkan untuk pihak pengimport patuh kepada syarat-syarat import yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa Malaysia.

Sekian terima kasih dan salam hormat

Arahan

**Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)**

**Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Malaysia**

Cetakan komputer ini tidak memerlukan tandatangan

Cetakan komputer ini tidak memerlukan tandatangan